

Islam dan Umat Islam

Kesan dan Pengaruh Islam Kepada Pemeluknya

“..... umat Islam (rakyat dan pimpinannya) akan mendapat sesuatu pendirian yang teguh (istiqamah) dan kebahagiaan dalam Islam, apabila mereka sudah benar-benar mengetahui segala isi kandungannya Islam yang mereka peluk itu dan patuh menjalankan perkara-perkara yang diperintahkan oleh Islam.”

Kata penulis makalah ini, Mabha¹ Abdullah – Jogjakarta.

Mabha Abdullah ialah seorang pelajar kita dari Tanah Melayu, yang sedang melanjutkan pelajarannya di Institut Agama Islam Negeri (*al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah al-Hukūmiyah*) Jogjakarta.

Makalahnya ini berdasarkan huraian Professor Doktor Ahmad Shalabi (Mesir), dalam bukunya: “Sejarah dan Kebudayaan Islam”. Doktor Shalabi ialah guru besar sekolah tinggi tersebut.

- P. Q.

(Oleh: Mabha Abdullah - Jogjakarta)

Islam ialah salah satu agama yang dianut oleh sebahagian besar umat manusia di seluruh dunia. Agama Islam ialah agama yang diakui dan direcadai oleh Allah *Subḥānahu wa Ta ‘ālā*, sebagai mana firmannya: *Inna al-dīnā ‘inda Llāh al-Islām*. Juga agama Islam menjadi agama rasmi bagi negara-negara Islam di dunia termasuk negara kita Persekutuan Tanah Melayu.

Tetapi Islam bukan suatu benda yang dianut dan dipuja begitu sahaja dengan tiada mengetahui apa yang ada dan yang terjadi di sebalik tadbir Islam. Penganut Islam yang tidak mengetahui akan proses yang terjadi disebalik tadbir Islam ialah penganut yang masih sesat dan masih di dalam kegelapan. Oleh itu mulai sekarang anutnya kepada Islam yang hanya sebagai anut-anutan.

sahaja, harus dan mesti difahami dengan betul terutama oleh pemuda-pemuda yang beragama Islam dan tinggal dalam sebuah negara yang beragamakan Islam sebagai agama rasminya dan seterusnya, oleh segenap lapisan masyarakat yang terdapat dalam negara tersebut.

Islam ialah ((agama)), tetapi dia bukan ((ilmu)). Sebagai agama ia (Islam) tidak dapat langsung memberi isi kepada ilmu secara huraian yang sekecil-kecilnya yang meluas segenap bidang pengetahuan. Pemberian atau sumbangsan Islam yang diberikan kepada ilmu terdapat pada anjurannya yang menganjurkan penganut-penganutnya supaya mempelajari ilmu sebanyak-banyaknya di mana sahaja dan dari siapa juga. Oleh itu kaum muslimin seluruhnya diwajibkan menuntut dan mencari kemuliaan hidup,

¹ Tidak dapat dipastikan apakah maksud Mabha, tetapi merasakan ia nama paling tepat

ketinggian martabat dan darjat yang diredaya oleh Allah

Subḥānahu wa Ta 'ālā. Dan untuk mencapai darjat-darjat tersebut diperlukan ilmu pengetahuan yang sebanyak-banyaknya.

Seperti firman Tuhan: “ *Wabtagħī fīmā ātāka-Llāhu al-Dāra
al-ākhira ta walā tansa naṣibaka mina al-dunyā, wa ahsin kamā
ahsana Llāhu ilayka walā tabghī al-fasāda fi al-arḍi,*

inn-Llāha lā yuhibbul mufsidīn.” Yang ertiya: “Tentulah akhir temu pada tiap-tiap kesempatan yang dibukakan Allah dan

jangan lupa akan apa yang menjadi bagimu mengenai urusan dunia dan berbuat baik (kepada orang lain)

sebagaimana Tuhan berbuat baik kepadamu, dan janganlah

berusaha menimbulkan kebinasaan di muka bumi.

Sesungguhnya Tuhan tidak menyukai orang-orang yang berbuat kebinasaan.” Junjungan kita pula bersabda: “*al-hikmatu*

qālaṭu al-mu'mini fahaithu wajadahā fahuwa aḥaqqu bihā” yang ertiya: “Hikmah itu barang tuntutan mukmin, di mana

sahaja ia mendapatinya maka dia lah yang berhak mempunyainya.”

Sejarah telah membuktikan bahawa Islam adalah

sebagai pendorong di atas segala persebaran ilmu.

Berkurun-kurun lamanya pujangga-pujangga Islam telah menghidupkan

kembali ilmu-ilmu yang terpendam dan berusaha menyinarkan

kembali sinar Islam yang hampir hancur lebur pada

kurun pertengahan sampailah zaman sekarang ini. Kegiatan

itu diwujudkan kembali kerana Islam itu tidak

hanya membatasi penganut-penganutnya supaya mengerjakan yang harus

dikerjakan ialah urusan-urusan akhirat sahaja, tetapi

mewajibkan juga mengatur kehidupan sebaik-baiknya di dunia

dalam segala lapangan, baik dalam lapangan ekonomi

mau pun dalam lapangan kemasyarakatan dan kebudayaan,

dan juga dalam lapangan politik.

Di lapangan politik Islam mengajarkan penganut-penganutnya



Tuan Zahir Qasimi dan Wahid Zafir (berumur

13 tahun), qari-qari dari Pakistan di Pertandingan

Bacaan al-Qur'an Antarabangsa yang telah berlangsung di Kuala Lumpur baharu-baharu ini.

Di lapan buah negara telah mengambil bahagian dalam pertandingan yang bersejarah ini iaitu: Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei, Sarawak, Filipina dan Pakistan.

akan perdamaian, damai dalam erti yang luas yang meliputi seluruh umat manusia di dunia ini. Dan damailah yang menduduki pengadilan dan hukum yang tertinggi, sebab masyarakat akan terwujud dengan keadilan dan kemakmurannya apabila manusia sudah berdamai.

Islam memimpin kita kepada jalan damai, mengajar kita kepada berhati sabar, tetapi kesemuanya itu berdasarkan di atas kebenaran dan keadilan, kerana kebenaran dan keadilan itulah yang membawa kepada perdamaian. Oleh itu sudah menjadi kewajipan bagi setiap pemeluk Islam untuk mencari dan mendapatkan ilmu pengetahuan yang membawa ke arah perdamaian.



diuji setakat mana dan sejauh mana perasaan serta kepercayaan keislaman yang telah meresap dalam diri seorang muslim.

bersambung



Stop Press

Kopi Pahit Istimewa

Haji Ismail Qadi Mahkamah Syariah Singapura

dalam khutbahnya di Masjid Sultan pada hari Jumaat 31 Mac yang lalu dikatakan berkata bahawa perceraian yang masih boleh diperbaiki adalah tidak sah di dalam Islam. *Mā shā' Allāh! Lā hawla walā quwwata illā bi Llāh.* Melihat kepada amal yang berjalan di dalam Mahkamah Syariah Singapura iaitu tiap-tiap seorang yang hendak menceraikan isterinya lebih dahulu hendaklah dapat persetujuan isterinya maka nampaknya tuan kadi ini hendak membenarkan apa yang dijalankan oleh Mahkamah Syariah yang akan bekerja di dalamnya – yang mengikut istilah sekarang tuan kadi ini bikin propaganda. Orang-orang Islam mau tau hukum apakah tuan kadi ini mengambil dari hukum Islam yang berdasarkan kitab Allah dan sunnahkah? Orang-orang sudah periksa hukuman seperti itu, tidak ada! Oh! kata orang barangkali beliau ambil dari hukuman Kristian yang cuba dibalut dengan nama Islam benarkah begitu? *Wallāhu a'lam bi al-ṣṣawāb wa 'ilayhi al-marji'u wa al-ma'āb.*

* * *

Telah heboh di luar bahawa Undang-undang Islam yang dikemukakan oleh kerajaan dan sedang meminta fikiran ilmu belum cukup dimasak oleh Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura. Kerana itu orang-orang hairan kenapakah mereka tidak mau meletakkan jawatan supaya tidak ditanggungjawabkan orang ke atas mereka? Kalau mau tau sebabnya tanya sama -

Fadilah al-Syeikh Abu Bakar menyampaikan salam kerajaan dan rakyat Republik Arab Bersatu (*al-Jumhuriyyah al-'Arabiyyah al-Muttaqīnah*) kepada kerajaan dan umat Islam di Persekutuan Tanah Melayu di Majlis Pertandingan Bacaan Quran Antarabangsa di Kuala Lumpur pada bulan yang lalu.

Beliau telah bersyarah tentang keadilan di dalam Islam di majlis yang permai itu dan telah diterjemahkan ke Bahasa Kebangsaan oleh al-Ustaz Mahyuddin Musa dari Kolej Islam Malaya.

Segala sesuatu yang baik, suci dan menarik tidak hanya didapat begitu sahaja di atas dunia yang fana ini, tetapi harus dengan perjuangan, dan perjuangan ini menghendaki kepada keberanian. Keberanian menghadapi segala kesulitan, keberanian menghadapi kesengsaraan, keberanian menghadapi segala percubaan jasmani maupun rohani dan keberanian untuk mengorbankan segala sesuatu yang perlu bagi mendapatkan sesuatu kemenangan yang dicita-citakan, sehingga di sutilah dapat diketahui dan

Cemeti al-Farouk